

# Najib dakwa pengampunan diraja benarkan tahanan di rumah

BERITA HARIAN 4 APR 2024 m/s: 16

**Bekas PM mohon perintah supaya semua atau seorang responden beri salinan titah utama**

Oleh Faris Fuad  
faris.fuad@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak memfailkan permohonan bagi mendapatkan kebenaran semakan kehakiman titah adendum (tambahan) Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berhubung pengurangan tempoh hukuman penjara enam tahun beliau kepada tahanan di rumah.

Permohonan difailkan bekas Perdana Menteri itu di Mahkamah Tinggi, di sini pada 1 April lalu menerusi firma guaman, Tetuan Sha-fee & Co.

Beliau menamakan Menteri Dalam Negeri, Komisioner Jeneral Penjara, Peguam Negara, Lembaga

Pengampunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang di JPM serta kerajaan Malaysia sebagai responden pertama hingga ketujuh.

Dalam notis permohonan dimuat turun melalui sistem carian mahkamah, Najib memohon perintah untuk semua atau seorang responden melaksanakan titah Al-Sultan Abdullah dan dengan sertamerta memindahkan beliau dari Penjara Kajang ke kediamannya untuk menjalani baki hukuman penjara di bawah tahanan rumah jika titah adendum berkenaan wujud.

Najib juga memohon satu perintah supaya semua atau seorang responden memberi salinan titah utama dan adendum dititahkan Al-Sultan Abdullah pada 29 Januari lalu.

Beliau memaklumkan melalui surat bertulis kepada Al-Sultan Abdullah pada 25 Mac lalu mengenai niatnya memfailkan notis permohonan semakan kehakiman terhadap pihak berkuasa

yang relevan berkenaan titah terbabit.

"Ia kerana pada 29 Januari 2024, Tuanku Al-Sultan Abdullah adalah Yang di-Pertuan Agong ke-16 dan saya mengambil langkah sebagai rafak sembah hormat tertinggi saya.

"Pada tarikh sama (25 Mac 2024), saya turut memaklumkan perkara sama kepada Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim sebagai rafak sembah hormat tertinggi saya," katanya menerusi affidavit permohonan berkenaan.

Najib mengesahkan tidak akan mengekshibitkan surat dihantar kepada kedua-dua Yang di-Pertuan Agong atas alasan kerahsiaan dan kewajaran.

## Bersifat berniat baik

Katanya, permohonan semakan kehakiman itu bersifat bona fide atau berniat baik kerana beliau terjejas teruk, selain memfailkan notis perakuan segera supaya permohonan itu didengar sebelum sambutan Aidilfitri yang dijangka pada 10 April ini.

Pendengaran untuk permohonan itu ditetapkan hari ini di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi,

Datuk Amarjeet Singh.

Pada 2 Februari lalu, media melaporkan Najib diberikan pengurangan 50 peratus bagi hukuman penjara 12 tahun yang sedang dijalaninya sejak 2022, sekali gus menyaksikan bekas Perdana Menteri itu bakal dibebaskan pada 23 Ogos 2028.

Selain tarikh pembebasan awal itu, Urusetia Lembaga Pengampunan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri, turut mengumumkan denda perlu dibayar oleh Najib dikurangkan daripada RM210 juta kepada RM50 juta.

Namun sekiranya denda itu tidak dibayar, tempoh penjara bagi Najib akan ditambah setahun dengan tarikh pembebasan beliau dijadualkan pada 23 Ogos 2029.

Pada 28 Julai 2020, Hakim, Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali, mendapati Najib bersalah atas tujuh pertuduhan pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd.

Sehubungan itu, Mohd Nazlan

menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun serta denda RM210 juta ke atas Najib, dan keputusan berkenaan dikekalkan Mahkamah Rayuan pada 8 Disember 2021 serta panel lima Hakim Mahkamah Persekutuan yang dipengerusikan Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat, pada 23 Ogos 2022.

Sebelum ini, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan berkata Lembaga Pengampunan sudah membuat keputusan berhubung permohonan Najib untuk mendapatkan pengampunan selepas disabitkan kesalahan dan dihukum penjara 12 tahun pada 2022.

Perdana Menteri bagaimanapun menjelaskan kerajaan tidak akan membuat sebarang pengumuman mengenai keputusan itu, sebaliknya ia bakal dilakukan sendiri oleh Lembaga Pengampunan.

Berita mengenai isu pengampunan Najib berlegar dalam media sosial dan dilaporkan media massa dengan desas-desus kuat mendakwa nasib bekas Perdana Menteri yang sedang menjalani hukuman penjara itu sudah diputuskan Lembaga Pengampunan.